



Dahulu dan Diikuti

KENYATAAN MEDIA PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA

PERTAMBAHAN JUMLAH KEHADIRAN DALAM MAJLIS AKAD NIKAH DI MASJID KARIAH NEGERI MELAKA/ PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH (PAID) MULAI 5 SEPTEMBER 2021

1. Sukacita dimaklumkan bahawa **bermula 5 SEPTEMBER 2021**, JAIM membenarkan pertambahan jumlah kehadiran majlis akad nikah di **Masjid Kariah Negeri Melaka** iaitu **tidak lebih 23 orang** sebagaimana berikut:
 - i. Jurunikah/ Pendaftar NCR;
 - ii. Dua (2) orang saksi dalam kalangan pegawai masjid;
 - iii. Sepuluh (10) orang ahli keluarga lelaki termasuk pengantin lelaki; dan
 - iv. Sepuluh (10) orang ahli keluarga perempuan termasuk wali dan pengantin perempuan.
2. Manakala di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) pula hendaklah **tidak lebih 13 orang** (tertakluk kapasiti ruang majlis) sebagaimana berikut:
 - i. Pendaftar NCR;
 - ii. Dua (2) orang saksi dalam kalangan pegawai PAID/ JAIM;
 - iii. Lima (5) orang ahli keluarga lelaki termasuk pengantin lelaki; dan
 - iv. Lima (5) orang ahli keluarga perempuan termasuk wali dan pengantin perempuan.
3. Pengantin dan keluarga yang telah lengkap mendapat dua dos vaksin tidak perlu membuat *swab test* COVID-19. Satu salinan sijil digital hendaklah diberi kepada jurunikah tiga hari sebelum majlis akad nikah dilaksanakan dan mereka yang hadir juga hendaklah menunjukkan paparan sijil digital berkenaan sebelum majlis akad nikah dilangsungkan.

4. Semua tatacara pelaksanaan majlis akad nikah masih tertakluk di bawah **Pekeliling JAIM Bil. 15/2021 : Garis Panduan Operasi Perkhidmatan Urusan Nikah, Cerai Dan Rujuk (NCR) Dan Kekeluargaan Islam Negeri Melaka** yang dikeluarkan oleh jabatan ini pada 18 Ogos 2021.
5. Sebagai peringatan; Jurunikah/ Penolong Pendaftar NCR hendaklah bertanggungjawab memastikan pelaksanaan majlis akad nikah mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh JAIM. Mana-mana jurunikah/ Penolong Pendaftar NCR yang gagal mengawal perjalanan majlis boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak JAIM.

Sekian. Terima kasih.

DATO' CHE SUKRI CHE MAT

Pengarah

Jabatan Agama Islam Melaka

4 September 2021M / 26 Muharam 1443H

Dahulu dan Diikuti

Do It Now Get It Done